

30/04/2000

Badan Islam wajar bersikap terbuka

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pertubuhan agama Islam bersikap terbuka serta bersedia berbincang dan menerima pandangan pihak lain dalam perjuangan mereka mengembalikan kegemilangan umat Islam.

Perdana Menteri berkata, sikap fanatik dan taksub dengan puak masing-masing serta menganggap cara perjuangan pihak lain sebagai salah hanya akan menyebabkan perpecahan yang sekali gus akan melemahkan lagi umat Islam.

"Saya tidak ada satu formula yang boleh saya anjurkan yang akan menjamin kejayaan, tetapi saya yakin kalau kita ada perbincangan dan perbahasan sekali pun tetapi dengan fikiran terbuka Insya-Allah kita akan dapat mencari jalan yang boleh menjayakan perjuangan kita semua.

"Kita perlu mempunyai fikiran terbuka kerana kita tidak boleh anggap kita saja betul dan orang lain tidak betul. Kalau kita anggap kita saja yang betul dan menolak orang lain, apa yang akan berlaku ialah perpecahan di kalangan kita," katanya ketika berucap pada jamuan tengah hari dengan pemimpin 80 pertubuhan Islam di sini semalam.

Hadir sama isteri beliau, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Senator Dr Abdul Hamid Othman, dan Yang diPertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), Mohd Nakhaie Ahmad.

Jamuan tengah hari itu diadakan sempena Multaqa (Pertemuan) Pertubuhan Amal Islam di Pusat Islam yang dirasmikan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Perdana Menteri berkata, kegemilangan Tamadun Islam yang bermula sejak zaman Rasulullah berakhir apabila satu pihak orang Islam menganggap satu pihak yang lain itu salah dan menyekat usaha mereka memajukan umat Islam.

Dr Mahathir berkata, apabila penguasaan ilmu oleh orang Islam terhenti, orang bukan Islam pula menggunakan ilmu yang diterokai orang Islam untuk menjayakan bangsa mereka sehingga hari ini dalam bidang tertentu orang Islam ketinggalan.

"Orang bukan Islam yang meminjam ilmu orang Islam sekarang menguasai dunia dan kadang-kadang menindas orang Islam dengan orang Islam yang lain tak boleh berbuat apa-apa untuk menolong kerana kita begitu lemah sekali," katanya.

Perdana Menteri berkata, semua pertubuhan Islam itu boleh mencapai matlamat perjuangan mereka untuk mengembalikan kegemilangan Islam jika mereka bersatu padu dan berusaha ke arah matlamat yang sama.

Justeru, katanya, adalah penting untuk mereka bertukar fikiran supaya dapat menggembelng usaha dan kekuatan masing-masing untuk lebih berjaya dalam usaha mengembalikan kegemilangan Islam yang menjadi matlamat mereka.

(END)